

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HMP 204 Linguistik Sejarah dan Perbandingan
Bahasa Melayu Polinesia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. SOALAN NO.1 (a), (b), (c) dan (d) MESTI dijawab dan pilih mana-mana TIGA [3] soalan yang lain.

1. Soalan 1 (a), (b), (c) dan (d) menggunakan data perbandingan empat bahasa Austronesia yang berikut:

Melayu	Jawa	Tagalog	Hova	Makna
penuh	penuh	puno	fenu	"penuh"
tutup	tutup	tutop	tutufa	"tutup"
papan	papan	papan	fafana	"papan"
kuku	kuku	kuko	huhu	"kuku"
laki	laki	laki	lahi	"laki"
balik	walik	balik	vadika	"balik"
bawa	wawa	babo	babi	"bawa"
buah	woh	bua	vua	"buah"

- (a) Kenal pasti kata-kata yang harus disingkirkan (jika ada) daripada data perbandingan ini dan berikan alasan penyingkiran ini.
(4 markah)
- (b) Tentukan semua kesepadanan bunyi dan lingkungan kesepadanan bunyi tersebut.
(12 markah)
- (c) Jika terdapat perubahan pada bunyi, terangkan perubahan tersebut dengan rumus-rumus tertentu dan jika perlu susun aturkan rumus-rumus tersebut.
(12 markah)

- (d) Berdasarkan rumus-rumus yang telah dibentuk cuba rekonstruksikan bentuk dasar (sebelum rekonstruksi bentuk proto) bagi perkataan-perkataan dalam data.
(12 markah)
2. Kelompok ahli bahasa yang menyokong teori tanah asal Austronesia dari Nusantara mengulas kelemahan teori Tanah Besar Asia dan mengemukakan beberapa alasan untuk menguatkan teori mereka. Bincangkan.
(20 markah)
3. Apakah yang dimaksudkan berlakunya perubahan fonem secara individu apabila fonem purba diwariskan ke dalam bahasa-bahasa turunan? Huraikan perubahan ini dengan memberikan contoh-contoh tertentu daripada bahasa Austronesia.
(20 markah)
4. Soalan 4 (a) dan (b) berkait secara langsung dengan kaedah leksikostatistik dan glotokronologi dan data logaritme natural yang berikut:

N	.00	.01	.02	.03	.04	.05	.06	.07	.08	.09
.1	-2.303	-2.207	-2.120	-2.040	-1.966	-1.897	-1.833	-1.772	-1.715	-1.661
.2	-1.609	-1.561	-1.514	-1.470	-1.427	-1.386	-1.347	-1.309	-1.273	-1.238
.3	-1.204	-1.171	-1.139	-1.109	-1.079	-1.050	-1.022	-.994	-.968	-.942
.4	-.916	-.892	-.868	-.844	-.821	-.799	-.777	-.755	-.734	-.713
.5	-.693	-.673	-.654	-.635	-.616	-.598	-.580	-.562	-.545	-.528
.6	-.511	-.494	-.478	-.462	-.446	-.431	-.416	-.400	-.386	-.371
.7	-.357	-.342	-.329	-.315	-.301	-.288	-.274	-.261	-.248	-.236
.8	-.223	-.211	-.198	-.186	-.174	-.163	-.151	-.139	-.128	-.117
.9	-.105	-.094	-.083	-.073	-.062	-.051	-.041	-.030	-.020	-.010

- (a) Langkah awal selepas pengumpulan kosa kata dasar ialah menentukan kata-kata yang boleh dibandingkan dan seterusnya menghitung jumlah kata-kata yang berkerabat. Apakah perkara-perkara yang perlu dilakukan sewaktu memilih jenis kata-kata untuk perbandingan ini?

(12 markah)

- (b) Katakan apabila selesai perbandingan 100 kosa kata dasar didapati peratus kata-kata yang berkognat antara dua bahasa kerabat adalah 0.70 peratus. Kadar bertahan kosa kata ialah 0.805. Menggunakan data logaritme natural yang dilampirkan dan formula tertentu, cuba hitung lama waktu dan tahun pisah antara dua bahasa ini (dari tahun 1994).

(8 markah)

5. Jelaskan perkara-perkara berikut secara ringkas. Kemukakan contoh daripada bahasa-bahasa Austronesia apabila perlu.

- (a) Asimilasi dan disimilasi dalam perubahan bahasa.

(5 markah)

- (b) Fonem induk (archiphoneme) dan diafon dalam kaedah rekonstruksi dalaman.

(5 markah)

- (c) Filum, rumpun, keluarga dan subkeluarga bahasa.

(10 markah)